

CORAK ARUS PASANG SURUT DI MUARA
TERENGGANU

AHMAD SHAZLI BIN A. AZIZ

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU

1998

CORAK ARUS PASANG SURUT DI MUARA TERENGGANU

OLEH

AHMAD SHAZLI BIN A.AZIZ

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Bacelor Sains (Sains Samudera)

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU**

1998

1100024041

PENGHARGAAN

Syukur saya lafazkan di atas limpah dan izin-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan laporan projek tahun akhir saya ini. Segala-galanya tertakluk kepada rahmat dan berkat-Nya bagi membolehkan saya perolehi semangat untuk meneruskan perjuangan terakhir saya ini.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd Nasir Saadon, di atas segala bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan selama ini.

Tidak dilupakan juga buat baba dan mama, boy, azizi dan hizami atas segala sokongan, material dan moral. Jasa kalian tidak akan ku lupakan sehingga ke akhir hayat ini.

Buat housmate, Pok Jit, Wari, Poter, Khush, Poen dan Jihe yang sama-sama menempuh cabaran hidup di dunia ini. Buat Desperados, cintoi, lanun, bidin, towok, rimau, ken, rosni, mat jep, geepin, william, jack, al hafiz, andora, mary dan swee kim, hidup ini satu perjuangan and you're the best man I got.

Buat yang tersayang, ogy yang sentiasa bersabar, memberi dorongan dan semangat kepada diri ini.

Cali
10 Mac 1997
caligula@tm.net.my

Abstrak

Tujuan penyelidikan ini ialah untuk memahami corak pergerakan arus pasang surut di muara Terengganu selama setahun. Meter arus S4 (self-recording) dan drog holey sock telah digunakan. Data arus yang diperolehi adalah bermula daripada bulan Ogos 1996 sehingga Jun 1997.

Keputusan kajian menunjukkan corak pergerakan arus pasang surut di muara Terengganu pada bulan Oktober sehingga Disember menunjukkan pergerakan ke arah timur laut. Pada bulan Januari, corak arus pasang surut mula mengalami perubahan arah berbeza. Pada bulan Mac dan April, arus pasang surut menghala ke arah barat daya. Walau bagaimanapun, corak pergerakan arus pasang surut berubah semula pada bulan Mei. Pada bulan Jun, ia akan menghala ke arah timur laut semula. Namun begitu, pada bulan Ogos, corak pergerakan arus mengalami perubahan lagi dan pada bulan September, ia bergerak ke arah timur laut semula.

Corak pergerakan arus pasang surut juga dipengaruhi oleh tiupan angin monsun, kadar taburan hujan dan kenaikan paras air laut.

Abstract

In this study, an S4 self– recording current meter and Holey Sock Drogue, was used. The study was conducted from August 1996 to Jun 1997. The aim of the study is to determine the pattern of the tidal current in Terengganu estuary for one year.

The results of the study show that the pattern of tidal current movement between the month of October till December is moving towards the north-east direction. In January, it begins to change in different directions. In March and April, the current pattern is moving towards the south west direction. However, the current pattern changes direction again in May. In June, it is moving towards the north-east direction. In August, the current pattern changes again and in September, it is moving towards the north-east direction.

Beside tidal activity, monsoon winds, mean sea level and rainfall are also the main factors influencing the pattern of tidal current in Terengganu estuary.